UiTM NEWS HUB
Hab Berita Rasmi UiTM

SINERGI

18/08/2026 / ROHADATUL LAILA ABDUL HASSAN



KAJANG, 13 Ogos 2026 – Seramai 431 murid Tahun 5 dari Sekolah Kebangsaan (SK) Bandar Seri Putra telah menyertai program *STEMLAB: Junior Explorers* yang dianjurkan oleh barisan pelajar kursus *Leadership and Professional Ethics for Engineers* (CPE680), Fakulti Kejuruteraan Kimia (FKK), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam.

Program yang berteraskan inisiatif *Service Learning Malaysia – University for Society* (SULAM) ini turut mendapat bimbingan padu daripada tiga orang pensyarah penasihat iaitu Ir. Normadyzah Ahmad, Ir. Dr. Syafiza Abd Hashib, dan Ts. Dr. Safari Zainal.

Berlangsung dalam dua fasa iaitu pada 10 dan 23 Jun 2026, penganjuran program ini bermatlamat untuk meningkatkan minat serta kefahaman murid terhadap bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) melalui pendekatan pembelajaran interaktif dan berasaskan pengalaman *hands-on*. Selain memberi pendedahan kepada aplikasi praktikal STEM dalam kehidupan seharian, ia turut dirangka bagi merangsang pemikiran kreatif, inovatif serta kemahiran menyelesaikan masalah (KBAT) dalam kalangan pelajar sekolah rendah.

Bagi memastikan objektif pembelajaran tercapai secara santai dan berkesan, pelbagai modul dan aktiviti menarik telah dikendalikan oleh mahasiswa UiTM. Antaranya termasuklah pertandingan *Bridge It*, demonstrasi *Mini Water Filter*, *AeroDrop X: Project Safe Landing*, *Up! Up! Balloon*, *Steamblaze Racer*, dan *Bubble Bliss: DIY Soap*.





Para peserta turut diuji melalui permainan berstesen berasaskan elemen STEM seperti *Project Telegram*, *Paper Tower Titan*, *Claw Cues*, dan *Bob the Builder* yang menuntut semangat kerjasama berpasukan, komunikasi berkesan, serta ketangkasan pemikiran kritis.

Selain aktiviti fizikal, program ini turut diperkaya dengan sesi perkongsian ilmu bertajuk "Inovator Cilik: Kuasai STEM" yang disampaikan oleh Ir. Dr. Syafiza Abd. Hashib, disusuli dengan ceramah "Selangkah ke Dunia Kimia" oleh Ir. Dr. Norhidayah Ideris. Sesi interaktif ini berjaya membuka minda para peserta mengenai prospek dan peluang kerjaya yang luas dalam dunia kejuruteraan dan kimia.

Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SK Bandar Seri Putra, Encik Mohd Syazwan Johari ketika menyempurnakan majlis penutup menyifatkan program seumpama ini sebagai medium terbaik untuk memupuk literasi sains secara praktikal.

"Program *STEMLAB: Junior Explorers* bukan sekadar satu aktiviti permainan santai, bahkan ia adalah platform penting yang mampu membentuk kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan. Melalui aktiviti interaktif ini, murid bukan sahaja memperoleh ilmu baharu, malah didedahkan kepada nilai kerjasama, komunikasi, dan kreativiti yang amat penting dalam mendepani cabaran masa hadapan," ujar beliau.

Penganjuran *STEMLAB: Junior Explorers* melalui platform SULAM ini bukan sahaja memberi manfaat secara langsung kepada komuniti sekolah, malah ia menjadi serampang dua mata yang membolehkan mahasiswa UiTM mengaplikasikan ilmu teknikal, mengasah kemahiran kepimpinan, serta memupuk semangat kesukarelawanan.

UiTM berharap agar program pemindahan ilmu (*knowledge transfer*) seperti ini dapat diteruskan bagi menyokong agenda negara dalam melahirkan generasi pewaris yang celik STEM, inovatif, berdaya saing, di samping memperkukuhkan lagi hubungan simbiotik antara pihak universiti dan komuniti setempat.

Share Post Share

Tags: Fakulti Kejuruteraan Kimia (FKK), Sekolah Kebangsaan (SK) Bandar Seri Putra, uitm shah alam, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

FiTA UiTM dan Dewan Filharmonik Petronas Meterai Surat Niat (LoI), Perkukuh Sinergi Akademia dan Industri Kreatif Negara

UiTM Perak dan NSA Malaysia Perkasa Guru Menerusi Program Transformasi Digital

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

Towards Becoming A GLOBALLY RENOWNED UNIVERSITY

Copyright © 2026 UiTM NewsHub | Theme by: Theme Horse | Proudly Powered by: WordPress